

| | | | |
|------------|-----------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kesan baja najis babi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 17 Sep 2012 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 26 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 321 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,766 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,297 |



Kesan baja najis babi

“**S**ayur yang dibajai dengan najis babi tidak menjejaskan kesihatan manusia kalau dimakan,” kata pensyarah di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Siti Aishah Hassan.

Menurutnya, babi adalah haiwan jenis sembelihan dan najis haiwan itu juga seperti najis lembu atau ayam yang akan mereput dan terurai sebelum nutriennya diserap oleh tumbuhan. Kebiasaannya, najis dikompos untuk mempercepatkan pelepasan nutrien yang digunakan. Bagaimanapun najis tanpa pengkomposan juga boleh digunakan tetapi tidak boleh digunakan dengan banyak pada satu masa kerana akan mendatangkan masalah.

Begitu juga dengan air kumbahan khinzir yang digunakan segelintir petani untuk mendapatkan punca mikroorganisme bagi mempercepatkan proses pengkomposan. Kesemuanya tidak ada memberikan kesan kepada kesihatan, jelas Dr Siti Aishah.

Beliau menambah, cuma yang menjadi persoalan adalah berkaitan

sensitiviti agama khususnya pengguna Islam. Ini kerana melibatkan hukum halal dan haram, memandang babi dan apa juga berasaskan haiwan itu adalah haram di sisi Islam.

“Bagaimanapun, di bawah pengetahuan saya setakat ini belum ada kajian saintifik dibuat khusus ke atas baja najis babi di negara ini.

“Di China, kebanyakan petani menggunakan najis babi sebagai baja,” kata Dr Siti Aishah

Selain itu, beliau berkata, baja daripada najis manusia yang akan melalui uraian, juga digunakan petani di negara seperti Vietnam

dan Kemboja. Bahkan tentu ada yang tidak menduga tumbuhan yang disiram dengan air kencing juga boleh tumbuh segar berikutan di dalam urin itu sendiri mengandungi nitrogen.

Pesan Dr Siti Aishah kepada suri rumah yang ada *kitchen garden* (kebun di dapur) atau menanam sayuran di keliling rumah, amalkan menyiram sayuran air basuhan ikan yang kaya dengan sumber mineral. Misalnya, air basuhan ikan bilis yang kaya dengan kalsium.

“Cara begini murah dan sayur kita ternyata selamat dimakan,” akhirnya.



| | | | |
|------------|-----------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kesan baja najis babi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 17 Sep 2012 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 26 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 321 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,766 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,297 |

